

Pematuhan sendiri 'kunci' tangani kluster tempat kerja



Oleh Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Antara 1 April hingga Sabtu lalu, sebanyak 287 kluster tempat kerja dilaporkan dengan 17,087 kes positif COVID-19. Sektor perkilangan melaporkan jumlah kluster tertinggi berbanding subkategori lain.

Walaupun kerajaan mengumumkan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh, trend kluster di tempat kerja masih tidak menunjukkan penurunan ketara.

Ini menunjukkan prosedur operasi standard (SOP) baharu, iaitu Safe@Work bagi mengimbangi kelangsungan operasi perkilangan dengan pengawalan COVID-19 masih kurang berkesan.

Realitinya, segelintir majikan hanya mengambil berat pemuatan SOP apabila penguatkuasaan dilaksanakan. Kelekaan ini banyak mengundang peningkatan kes di tempat kerja.

Hakikatnya, pelanggaran SOP majikan bukan baharu, malah berlaku sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama lagi. Ini disebabkan, penggiat industri masih mampu membayar penalti dikenakan kerana jumlahnya tidak begitu besar dibandingkan keuntungan diperoleh dengan beroperasi secara kapasiti penuh.

Maka, sewenang-wenangnya mereka melanggar SOP kerana lebih mengutamakan keuntungan berbanding keselamatan nyawa pekerja, sekali gus tidak serius membantu menangani masalah dihadapi negara.

Dalam keadaan tahap kesihatan awam negara kritikal dan semakin ramai rakyat menjadi korban, pihak industri sewajarnya tidak mementingkan keuntungan semata-mata.

Mereka perlu memikirkan kesihatan dan keselamatan pekerja. Ini tanggungjawab majikan seperti termaktub dalam Akta Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan (AKKP) 1994.

Pihak industri yang memandang remeh usaha kerajaan mengekang penularan dan memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 ini, ibarat 'tidak bersyukur' diberi peluang meneruskan operasi dan masih menjana pulangan tatkala kebanyakan sektor tidak memiliki kelebihan itu.

Selain ada menggunakan surat kebenaran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang sudah tamat tempoh dan beroperasi melebihi masa ditetapkan, ada juga memaksa kakitangan hadir bekerja pada kapasiti penuh, walaupun arahan diberikan bagi penjadualan semula atau kaedah penggiliran diadakan.

Lebih teruk, ada segelintir premis perkilangan dan tempat kerja memaksa kakitangan 'tutup mulut' apabila wujud kes positif COVID-19. Semua ini



Kegagalan majikan dan pekerja mematuhi SOP punca kluster tempat kerja terus meningkat. (Foto hiasan)

punca kluster tempat kerja masih gagal dikekang dengan berkesan.

Natijahnya, kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi memastikan tempat kerja dan penginapan pekerja kondusif serta selamat digunakan. Ini akan mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 dan juga lain-lain jangkitan.

Antara cadangan boleh diambil kira, termasuk menjalankan saringan berkala yang berterusan, serta kelulusan beroperasi berdasarkan tahap imunisasi.

Kementerian berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu berganding bahu memantau secara tegas pemuatan SOP.

Pengaktifan fasa keempat Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk industri yang memacu ekonomi juga keputusan tepat bagi memutuskan rantaian jangkitan.

Penting untuk majikan memastikan langkah disarankan Kementerian Kesihatan (KKM) dipatuhi sepenuhnya tanpa kompromi di tempat kerja. Antaranya kerap melaksanakan proses nyah kuman dan nyah cemar, penyediaan tempat mencuci tangan dan memastikan pekerja mengenakan pelitup muka setiap masa.

Majikan juga perlu memastikan mana-mana pekerja tidak mempunyai jangkitan atau terdedah, sebelum memasuki premis untuk bekerja.

Pekerja turut mempunyai peranan dalam hal ini, tidak boleh hanya bergantung kepada usaha dan inisiatif majikan semata-mata. Mereka diingatkan sentiasa mematuhi SOP ditetapkan dengan menjaga keselamatan diri, memakai pelitup muka, memaklumkan kepada majikan dengan kadar segera sekiranya bergejala.

Paling utama, elakkan datang bekerja sekiranya bergejala bagi mengurangkan risiko penyebaran penyakit kepada rakan sekerja lain dan mendapatkan pemeriksaan segera.

Ringkasnya, pemuatan sendiri majikan dan pekerja 'kunci' utama dalam memerangi peningkatan berterusan kes disumbangkan kluster tempat kerja.

Profesor Madya di Laboratori Kesejahteraan Belia dan Komuniti, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)